



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **ORIENTASI KEUSAHAWANAN, PROGRAM PEMBANGUNAN PKS DAN KEJAYAAN PKS DI PERAK**

**NOR HAFIZAH BINTI HASAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**UPSI/IPS-3/BO 32**  
**Pind : 00 m/s: 1/1**

Please tick (✓)



Project Paper  
Masters by Research  
Master by Mixed Mode  
PhD

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 5 April 2021

i. **Perakuan Pelajar:**

Saya, **NOR HAFIZAH BINTI HASAN, P20132002398, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **ORIENTASI KEUSAHAWANAN, PROGRAM PEMBANGUNAN PKS DAN KEJAYAAN PKS DI PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, **PROF MADYA DR HAZIANTI BINTI AB. HALIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ORIENTASI KEUSAHAWANAN, PROGRAM PEMBANGUNAN PKS DAN KEJAYAAN PKS DI PERAK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN PERNIAGAAN**.

5 April 2021

Date

Signature of the Supervisor



**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Pendidikan

Sarjana Penyelidikan dan

Kerja Kursus

PhD

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH/  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

**Tajuk / Title:** ORIENTASI KEUSAHAWANAN, PROGRAM PEMBANGUNAN PKS, DAN KEJAYAAN  
PKS DI PERAK

No. Matrik / Matic's No.: P20132002398

Saya / I: NOR HAFIZAH BINTI HASAN

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuan Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan Salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)



(Tandatangan Penyelia /Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**  
*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restrict*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi atas limpah rahmat serta kesihatan, masa, tenaga, yang telah dianugerahkan kepada saya dan dengan izin-Nya maka saya dapat menyiapkan laporan penuh kajian ini dengan jayanya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Di sini, saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan khas buat suami tercinta Mohd Shukri bin Rashid, ibunda dan ayahanda saya iaitu En. Hasan bin Ibrahim dan Pn. Rahmah binti Hamid kerana telah mendidik insan kerdil ini serta tidak jemu menasihati, memberi sokongan kepada saya setiap masa. Tidak lupa juga kepada dua orang anakanda yang banyak memberi inspirasi dan dorongan untuk terus menyiapkan kajian ini iaitu Nur Fathia Zara binti Mohd Shukri dan Muhamad Fayyadh Rayyan bin Mohd Shukri.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah saya iaitu Prof. Madya Dr. Hazianti binti Ab. Halim dan Prof. Madya Dr Nek Kamal bini Yeop Yunus kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, serta dorongan kepada saya dari awal kajian ini dijalankan sehingga kajian ini selesai dan berjaya dijalankan. Kesabaran penyelia dalam memberi tunjuk ajar kepada saya amat saya hargai dan ilmu serta nasihat yang dikongsikan akan saya ingati dan dijadikan panduan untuk masa akan datang.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga tersayang terutama sekali adinda saya, Nor Farah Hana binti Hasan dan Aina Maisara binti Mohd Rizal yang banyak memberi komitmen serta rakan seperjuangan di Universiti Sultan Azlan Shah yang membantu dalam menyiapkan tesis ini serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sehingga kajian ini berjaya diselesaikan dengan jayanya.





## ABSTRAK

Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) seringkali dikaitkan dengan pertumbuhan dan pembangunan dalam sesebuah negara berikutan sumbangan dari sudut ekonomi dan sosial, serta menggalakkan persaingan di dalam pasaran. Bagaimanapun penemuan-penemuan tidak konsisten di dalam literatur mencetuskan keperluan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian-kajian seterusnya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan PKS. Oleh itu, kajian ini direkabentuk untuk menganalisis hubungan diantara bidang tumpuan di dalam Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Negeri Perak. Bidang tumpuan utama yang dikenalpasti dapat memberikan input dan hasil yang positif adalah program akses kepada pembangunan modal insan, program akses kepada pembiayaan, dan program akses kepada pasaran yang dianjurkan oleh SME Corporation dan agensi-agensi yang berkaitan. Kajian ini juga bertujuan menentukan peranan pembolehubah pengantara iaitu orientasi keusahawanan ke atas hubungan-hubungan di antara program pembangunan PKS dengan prestasi PKS di Perak. Rekabentuk tinjauan kuantitatif telah digunakan dan data telah dipungut daripada 304 PKS dari sektor pembuatan, perkhidmatan, dan lain-lain yang meliputi 12 Daerah di Negeri Perak yang berdaftar dengan SME Corp. Kajian ini juga menggunakan teknik persampelan rawak bersistematis. Analisis statistik telah dijalankan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian dengan menggunakan perisian statistik *Statistical Package for the Social Sciences version 23.0*. Analisis data yang digunakan adalah analisa deskriptif, korelasi, dan regresi. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan signifikan dan positif di antara program pembangunan PKS dan kejayaan PKS, dan orientasi keusahawanan dengan kejayaan PKS di Perak. Analisa regresi menunjukkan pembolehubah orientasi keusahawanan adalah *mediator* yang signifikan positif dan memberi kesan perubahan sebanyak 31% ( $R^2=0.31$ ) secara statistik. Secara kesimpulannya, kajian ini adalah selaras dengan kehendak kerajaan bagi memastikan setiap PKS diterapkan dengan ilmu keusahawanan yang betul melalui program pembangunan PKS yang dijalankan, manakala orientasi keusahawanan mewujudkan kemampuan untuk lebih proaktif, berdaya saing, inovasi, dan berani menghadapi risiko seterusnya dapat meningkatkan kejayaan PKS di Perak.

**Kata Kunci:** Program Pembangunan PKS, Orientasi Keusahawanan, Kejayaan Perniagaan, Pengantara dan PKS



## ENTREPRENEURSHIP ORIENTATION, SME DEVELOPMENT PROGRAM AND SME SUCCESS IN PERAK

### ABSTRACT

Small and Medium Business (SMEs) is often associated with growth and development in a country due to economic and social contributions, as well as encouraging competition in the market. However, inconsistent findings in the literature trigger the need for researchers to conduct further studies on the factors that influence the success of SMEs. Therefore, this study is designed to analyze the relationship between the areas of focus in the SME Development Programme on the success of SMEs in Perak. The key areas identified that can provide positive inputs and outcomes are access programs to human capital development, access programs to financing, and market access programs organized by SME Corporation and related agencies. This study also aims to determine the role of the mediator variable, which is entrepreneurial orientation on the relationships between SME development programs and SME performance in Perak. A quantitative survey design was used and data was collected from 304 SMEs from the manufacturing, services, etc. sector covering 12 Districts in the State of Perak registered with SME Corp. This study also uses systematic random sampling techniques. Statistical analysis was conducted to test the research hypotheses using Statistical Package for the Social Sciences version 23.0. The data analysis used were descriptive analysis, correlation, and regression. The findings show that there is a significant and positive relationship between SME development programme and SME success, and entrepreneurial orientation with SME success in Perak. Regression analysis showed that the entrepreneurial orientation variable was a significant positive mediator and had an effect of 31% change ( $R^2 = 0.31$ ) statistically. In conclusion, this study is in line with the government's requirements to ensure that every SME is applied with the right entrepreneurial knowledge through SME development programs conducted, while entrepreneurial orientation creates the ability to be more proactive, competitive, innovative, and courageous to face risks can further enhance SME success in Perak.

**Keywords:** SME Development Programme, Entrepreneurial Orientation, Business Success, Mediator, SMEs

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii



<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	3
1.3    Piawai Penentu Saiz	13
1.4    Pernyataan Masalah	16
1.5    Persoalan Kajian	20
1.6    Objektif Kajian	20
1.7    Rangka Kerja Teori Kajian	21
1.7.1          Rangka Kerja Konseptual Kajian	22
1.8    Skop Kajian	24



1.9	Limitasi Kajian	26
1.10	Signifikasi Kajian	26
1.11	Definisi Operational	29
1.11.1	PKS	29
1.11.2	Program Keusahawanan	30
1.11.3	Orientasi Keusahawanan	30
1.11.4	Autonomi	30
1.11.5	Pengambilan Risiko	31
1.11.6	Inovasi	31
1.11.7	Proaktif	31
1.11.8	Pretasi Pelanggan	31
1.11.9	Keusahawanan Korporat	32
1.11.10	Keusahawanan	32
1.11.11	Pretasi Kewangan	32
1.11.12	Pretasi Bukan Kewangan	32
1.11.13	Pasaran	32
1.11.14	Keuntungan	33
1.11.15	Kejayaan Perniagaan	33
1.12	Sumbangan Kajian	33
1.12.1	Sumbangan Pratikal	34
1.12.2	Sumbangan Teoritikal	36
1.12.3	Sumbangan Metodologikal	37
1.13	Struktur Kajian	38





1.14 Rumusan	39
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>40</b>
2.1 Pengenalan	40
2.2 Latar Belakang Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS)	41
2.2.1 Definisi PKS di Malaysia	44
2.2.2 Kepentingan PKS di Malaysia	48
2.3 Pelan Memperkasakan PKS di Malaysia	51
2.3.1 PKS di Perak	55
2.3.2 Pembangunan PKS di Negeri Perak	56
2.4 Aktiviti Pengurusan Dalam PKS	61
2.4.1 Aktiviti Kewangan Dalam PKS	62
2.4.2 Aktiviti Sumber Manusia Dalam PKS	62
2.4.3 Aktiviti Pemasaran Dalam PKS	63
2.5 Peranan Kerajaan Malaysia	64
2.5.1 Dasar-Dasar Utama Program Pembangunan PKS	67
2.6 Penyelidikan Yang Berkaitan Dengan PKS Malaysia	70
2.7 Program Pembangunan PKS	74
2.7.1 Program Akses kepada Pembangunan Modal Insan	76
2.7.2 Program Akses Kepada Pasaran	78
2.7.3 Program Akses Pembiayaan PKS	81
2.7.4 Statistik Program Pembangunan Pada Tahun 2018	83
2.8 Orientasi Keusahawanan (EO)	84
2.9 Dimensi Orientasi Keusahawanan	92





2.9.1	Inovasi	93
2.9.2	Proaktif	96
2.9.3	Pengambilan Risiko	97
2.9.4	Autonomi	100
2.10	Program Pembangunan PKS dan Prestasi PKS	102
2.11	Orientasi Keusahawanan dan Prestasi PKS	103
2.12	Organization Orientasi Keusahawanan sebagai Pembolehubah Pengantara	105
2.13	Teori Asas Kajian	106
2.14	Konsep Kejayaan Perniagaan PKS	108
2.15	Rumusan	114

### BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN



3.1	Pengenalan	115
3.2	Metodologi Kajian	115
3.2.1	Rangka bentuk Kajian	116
3.3	Hipotesis Dan Kerangka Konseptual	118
3.4	Jenis Kajian	120
3.5	Strategi Penyelidikan dan Pendekatan Kajian	121
3.6	Kaedah Kuantitatif	122
3.7	Instrumen Kajian	126
3.7.1	Proses Pembinaan Instrumen	127
3.7.2	Instrumen Kajian	128
3.8	Populasi Kajian	129
3.9	Sampel Kajian	130





3.9.1	Teknik Persampelan	131
3.9.2	Tempoh Kajian	132
3.9.3	Kadar Respon Dan Non-Respon Bias	132
3.9.4	Pertimbangan Etika Dalam Mengutip Data Kajian	133
3.10	Kajian Rintis	134
3.11	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	137
3.11.1	Kesahan Ujian	138
3.11.2	Kesahan Instrumen	138
3.11.3	Kebolehpercayaan	139
3.11.14	Kebolehpercayaan Instrumen	140
3.12	Analisa Normaliti	142
3.13	Prosedur Pengumpulan Data	143
3.13.1	Pengumpulan Data Kuantitatif	144
3.14	Teknik Analisis Data	145
3.14.1	Peringkat Analisis Data	146
3.14.2	Tatacara Penganalisan Data	147
3.14.3	Analisis Data Kuantitatif	147
3.15	Analisa Deskriptif	148
3.16	Analisa Faktor	149
3.17	Analisa Reliabiliti	151
3.18	Analisa Korelasi	152
3.19	Analisa Regresi	153
3.20	Limitasi Metodologi	155





3.21 Rumusan	156
<b>BAB 4 ANALISA DATA</b>	<b>157</b>
4.1 Pengenalan	157
4.2 Data Demografi	158
4.3 Analisis Awal Hasil Kajian	170
4.4 Analisa Korelasi	178
4.4.1 Hubungan di antara Program Pembangunan Modal Insan dengan Kejayaan PKS di Perak	178
4.4.2 Hubungan di Antara Program Akses Kepada Pembiayaan dengan Kejayaan PKS di Perak	180
4.4.3 Hubungan di Antara Program Akses Kepada Pasaran dengan Kejayaan PKS di Perak	181
4.5 Analisa Regresi	182
4.6 Kesan Pengantaraan Orientasi Keusahawanan dalam Hubungan antara Program Pembangunan PKS dan Kejayaan PKS di Perak	183
4.6.1 Kepentingan Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Perak	184
4.6.2 Faktor jantina yang mendominasi PKS di Perak dalam Orientasi Keusahawanan	185
4.7 Rumusan	186
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>187</b>
5.1 Pengenalan	187
5.2 Diskusi Hipotesis	188
5.2.1 Rangka Kerja Kajian Akhir	189
5.2.2 Hubungan Yang Signifikan Antara Program Akses Kepada Pembangunan Modal Insan Dan Kejayaan PKS di Perak	191



5.2.3	Hubungan Yang Signifikan Antara Program Akses Kepada Pembiayaan Dan Kejayaan PKS di Perak	192
5.2.4	Hubungan Antara Program Akses Kepada Pasaran Dan Kejayaan Perniagaan	194
5.2.5	Hubungan Antara Orientasi Keusahawanan (EO) dan Kejayaan Perniagaan	195
5.2.6	Kepentingan Program Pembangunan PKS terhadap Kejayaan Usahawan PKS di Perak	197
5.2.7	Faktor Jantina Mempengaruhi Dalam Orientasi Keusahawanan	199
5.3	Perbincangan	199
5.4	Limitasi Kajian	205
5.5	Cadangan Untuk Penyelidikan Masa Depan	206
5.6	Implikasi dan Cadangan	208
5.6.1	Cadangan Kepada PKS	212
5.6.2	Cadangan Kepada Agensi Kerajaan Dan Bukti Kerajaan	212
5.7	Rumusan	213
<b>RUJUKAN</b>		<b>217</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>255</b>



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Penentu Saiz PKS Malaysia	13
2.1 Definisi PKS berdasarkan Saiz	45
2.2 Sumbangan PKS kepada KDNK mengikut Negara	54
2.3 Program Pembangunan PKS yang Dirancang Mengikut Bidang Tumpuan Setakat April 2018	75
2.4 Program pembangunan PKS yang dirancang mengikut bidang tumpuan setakat April 2018	84
2.5 Faktor Kejayaan	112
2.6 Kejayaan Perniagaan dan Motif Menjadi Usahawan	113
2.7 Penilaian Pretasi Firma, Pertumbuhan dan Kejayaan	114
3.1 Rumusan Peringkat Metodologi Kajian	116
3.2 Hipotesis Kajian	119
3.3 Analisis Kebolehpercayaan yang telah dijalankan kajian rintis dan kajian sebenar	141
3.4 Keputusan Ujian Normaliti ke atas 304 responden	143
3.5 Kadar Skor Skala Likert Tujuh Poin	148
3.6 Analisa Faktor	149
3.7 Communalities	150
3.8 Rumusan Analisa Reliabiliti	151
3.9 Model Analisis Regresi Berperingkat	154
4.1 Rumusan Umur	159
4.2 Rumusan Jantina	159





4.3	Umur ketika awal memulakan perniagaan	160
4.4	Bangsa	161
4.5	Tahap pendidikan	162
4.6	Adakah mempunyai pengalaman kerja sebelum ini	163
4.7	Adakah pengalaman kerja yang lepas berkaitan dengan perniagaan	163
4.8	Adakah mempunyai pengalaman memulakan perniagaan sendiri sebelum perniagaan sekarang	164
4.9	Adakah menerima latihan rasmi sebelum membuka/menguruskan perniagaan	164
4.10	Bantuan daripada Kerajaan	165
4.11	Lokasi Perniagaan	166
4.12	Kedudukan dalam Syarikat	166
4.13	Bilangan Pekerja	167
4.14	Tempoh perniagaan ditubuhkan	168
4.15	Kategori perniagaan	169
4.16	Tahap kedudukan perniagaan sekarang	169
4.17	Julat min tahap kedudukan item	170
4.18	Frekuensi, peratus, min, tahap dan kedudukan mengikut item soal selidik	171
4.19	Frekuensi, peratus, min, tahap dan kedudukan mengikut item soal selidik	173
4.20	Frekuensi, peratus, min, tahap dan kedudukan mengikut item soal selidik	175
4.21	Min, tahap dan kedudukan mengikut item soal selidik	177
4.22	Matriks korelasi hubungan Program Pembangunan Modal Insan dengan kejayaan PKS di Perak	179
4.23	Matriks Korelasi Hubungan Program Akses Kepada Pembiayaan dengan kejayaan PKS di Perak.	181





4.24	Matriks Korelasi Hubungan Program Akses Kepada pasaran dengan kejayaan PKS di Perak	182
4.25	Matriks Regresi Kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara Program Pembangunan PKS dan kejayaan PKS di Perak	183
4.26	Kesan perubahan pengantaraan orientasi keusahawanan	184
4.27	Kesan / pengaruh Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Perak.	184
4.28	Regressi antara Jantina dan Orientasi Keusahawanan	185
4.29	Anova	185
4.30	Coefficients	186
5.1	Rumusan Hipotesis Kajian	188





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Taburan PKS di Malaysia mengikut Negeri	15
1.2 Kerangka Teori Penyelidikan	22
1.3. Kerangka Konseptual Kajian	24
3.1. Kerangka Konseptual Kajian	119
3.2. Rumusan Strategi Kajian	121
5.1. Kerangka Konseptual	190





## SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas Asia
APO	Pertubuhan Produktiviti Asia
BS	Kejayaan Perniagaan
CREST	Penyelidikan Kerjasama dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
EO	Orientasi Keusahawanan
EFA	Exploratory Factor Analysis





KMO	Kaiser-Mayer-Olkin
LCE	Sijil Pelajaran Rendah
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MED	Kementerian Pembangunan Usahawan
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa
MP	Rancangan Malaysia
MASTECH	Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Manusia
MOA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
MAHA	Malaysian Agriculture Horticulture and Agrotourism
MCE	Malaysian Certificate of Education
NDTS	National Dual Training System
NSDC	Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Malaysia
NAfMA	Anugerah Kebangsaan Perakaunan Pegurusan
NEM	Model Ekonomi Baru
NSI	Kajian Kebangsaan Inovasi
NSI	National Survey Innovation
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
PKS	Perniagaan Kecil dan Sederhana
PP	Program Pembangunan
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
PLP	Program Latihan Perakaunan





PPU	Pusat Pembangunan Usahawan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RND	Research and Development
RQI	Soalan penyelidikan pertama
SME	Bank Small and Medium Enterprise Bank
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
SPSS	<i>Statistical Pakage For Social Science</i>
SME CORP	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
SDSI	Satu Daerah Satu Industri
SMIDEC	Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana
SSFS	Skim Pembiayaan Patuh Syariah



SME	Corp Small and Medium Enterprise Corporation
TEKUN	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
TUBE	Tunas Usahawan Belia Bumiputera
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**xxi**

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A Borang Soal Selidik
- B Kesahan Semakan Soal selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Di negara membangun seperti Malaysia, Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilihat sebagai satu mekanisme untuk meningkatkan pengagihan pendapatan, merangsang pertumbuhan ekonomi, dan membentuk semula struktur ekonomi yang sangat bergantung kepada aktiviti firma besar (Mohsin, Halim, Ahmad, & Farhan, 2017; Murjan, 2012). Ini disokong oleh Perdana Menteri Malaysia di mana beliau telah menjelaskan bahawa PKS merupakan tulang belakang bagi ekonomi Malaysia (Laporan Tahunan PKS, 2017). Seiring dengan pertambahan industri PKS ini, ianya telah meningkatkan peluang kejayaan di kalangan PKS seterusnya memberikan implikasi yang besar untuk pertumbuhan dan kesejahteraan sosio-ekonomi negara (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik [APEC], 2004). Penubuhan PKS yang berjaya berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan baru, meningkatkan perdagangan dan pendapatan, dan seterusnya dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memberikan impak kepada negara. Namun begitu, kajian yang dibuat oleh O'Regan & Ghobadian, 2004 terhadap PKS menunjukkan





kurangnya konsisten dalam perniagaan adalah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti usahawan pernah mengalami kegagalan paling kurang sekali dalam menguruskan perniagaan mereka bagi menentukan kejayaan PKS. Selain itu, terdapat perbezaan daripada dapatan kajian Hasan (2018) yang mana sebahagian daripada pengkaji mengaitkan kejayaan dengan pengaruh individu (iaitu, usahawan) dan faktor-faktor luaran yang lain seperti keadaan ekonomi, dasar kerajaan, sokongan kewangan, dan infrastruktur bagi membolehkan seseorang usahawan PKS yang berjaya.

Kajian ini memfokuskan kepada program pembangunan PKS yang dianjurkan oleh agensi-agensi berkaitan seperti SME Corp, TEKUN, MARA, SME Bank, dan agensi-agensi yang lain. Ia juga disokong oleh orientasi keusahawanan yang didorong oleh faktor-faktor seperti inovasi, proaktif, autonomi dan pengambilan risiko. Menurut Yusof, Abdullah, Arjunan & Bakri (2013), bagi individu yang mempunyai orientasi keusahawanan merupakan satu kesediaan bagi individu tersebut untuk menggunakan kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko bagi membentuk dan membangunkan diri mereka sendiri.

Kajian di Malaysia amnya juga mendapati pelbagai kesukaran yang dialami oleh PKS yang mana mempunyai kadar kegagalan yang lebih besar daripada syarikat yang lebih besar dan menghadapi kesukaran untuk kelangsungan hidup oleh Alfaadheel (2010). Murjan (2012), mencadangkan bahawa inovasi adalah salah satu kunci bagi PKS untuk terus beroperasi dan membezakan diri mereka daripada pesaing yang lain. Beberapa penyelidik mendapati bahawa inovasi mempunyai hubungan yang signifikan



dengan kejayaan perniagaan (Henard & Szymanski, 2000; Li & AtuaheneGima, 2001). Philipp Koellinger (2008), mencadangkan bahawa sesetengah usahawan yang lebih inovatif daripada yang lain adalah berkaitan dengan kecekapan keusahawanan. Ndesaulwa dan Kikula (2016), dan Mahina dan Usman (2016), mendakwa bahawa inovasi mempunyai kesan ke atas PKS.

Seterusnya, menurut Menteri Besar Perak iaitu Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu di dalam akhbar Berita Harian (2020), pendekatan yang diperlukan dalam membantu PKS dengan langkah yang proaktif adalah dengan membiayai keperluan modal kerja, menyediakan khidmat perunding, menyediakan latihan yang bersesuaian dan sebagainya. Oleh yang demikian, bagi menstabilkan ekonomi, PKS memerlukan modal yang mencukupi bagi menampung segala kos mereka seterusnya mereka seharusnya mempunyai sijil dan juga mendapat bimbingan daripada pihak yang bertanggungjawab apabila sesuatu situasi terjadi terhadap mereka.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) mengklasifikasikan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan perolehan jualan tahunan atau kuantiti pekerja sepenuh masa. Sebaliknya, prestasi perniagaan kecil ditakrifkan sebagai keupayaan mereka untuk membawa kepada penciptaan pekerjaan dan kekayaan melalui permulaan perniagaan, kelangsungan hidup dan kemampanan (Ho,

Ahmad, et al. 2016). Selaras dengan Laporan Tahunan PKS 2017/2018, PKS mewakili kira-kira 99.2% daripada keseluruhan pembentukan perniagaan di Malaysia pada tahun 2018. Prestasi PKS adalah penting kerana PKS akan mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi dan berdasarkan pengetahuan melalui sumbangan PKS kepada KDNK nasional (Madanchian, Hussein, et al. 2015).

Walaupun sumbangan PKS adalah penting kepada eksport negara, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi, namun begitu jumlah PKS telah menurun daripada 17,157 firma pada 2017 kepada 16,893 firma pada tahun 2018 mengikut maklumat PKS yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Yusoff, Jia, et al. 2020). Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui hubungan di antara program pembangunan PKS yang dapat memberi kejayaan kepada usahawan PKS Perak. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan di antara program pembangunan ke atas kejayaan PKS di Perak.

PKS adalah sangat penting kepada ekonomi dunia (Tehseen, Sajilan, Ramayah, & Gadar, 2015; Wiklund, Patzelt, & Shepherd, 2009). Di seluruh dunia, peranan PKS menjadi semakin menonjol (Bayarcelik, Tasel, & Apak, 2014; Veskaisri, Chan, & Pollard, 2007; Alsulamy, 2005). Ia memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara tanpa mengira status negara (Wong, Ho, & Autio, 2005; Mahmood & Hanafl, 2013). Sektor PKS yang berkualiti dan membangun merupakan salah satu daripada kuasa yang menjadi pemacu utama dalam pembangunan pasaran, Oleh itu tidak hairanlah sejak 1980-an kelahiran dan pertumbuhan syarikat baru telah



dilihat sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi (Kelabu, Saunders, & Goregaokar, 2013). Ini disokong oleh ramai penyelidik yang mendakwa bahawa PKS merupakan ejen penting untuk membangunkan sebuah negara (Khan & Khalique, 2014; Alfaadhel, 2011; Oke, Burke, & Myers, 2007).

PKS ditubuhkan bagi kebanyakan aktiviti perniagaan, dan mereka dianggap sebagai tulang belakang ekonomi negara (Khaliqie, Isa, Shaari, Abdul, dan Ageel, 2011; Radam, Abu, & Abdullah, 2008; Amini, 2004). Laporan yang diterbitkan oleh Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) 2010, mencadangkan di setiap negara ahli-ahli APEC, PKS merupakan penyumbang ekonomi dan lebih daripada 90% perusahaan yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh PKS di Perak khususnya dalam membangunkan orientasi keusahawanan.

Bagi kebanyakan ekonomi di negara-negara lain, permintaan PKS semakin meningkat dan telah menjadi satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara (Thurasamy, Mohamad, Omar, & Marimuthu, 2009).

Seterusnya adalah dengan wujudnya PKS di negara ini, ianya akan memberikan peluang kepada masyarakat sekeliling untuk bekerja. PKS mewakili 99% daripada firma aktif secara keseluruhan di peringkat global, dan kira-kira 60% sehingga 70% daripada jumlah guna tenaga (Robu, 2013). Menurut OECD (2017), PKS mewakili lebih daripada 95% daripada perusahaan dan memastikan kira-kira 70% daripada sektor yang menyumbang kepada peluang pekerjaan. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, PKS mewakili majoriti daripada semua perniagaan dan menyumbang hampir separuh daripada



keluaran negara kasar, yang mana PKS menyumbang 53% (Mahmood & Hanafli, 2013). Shaver dan Scott (1991), dalam kajian mereka menekankan lima peranan utama PKS seperti; (1) PKS menyediakan peluang pekerjaan; (2) PKS ditutup kepada pelanggan kerana fleksibiliti dan jarak; (3) PKS adalah fungsi kepada sub-kontrak; (4) PKS bertindak sebagai peranan peganti import; dan (5) PKS bertindak sebagai "keseimbangan" dalam pengagihan kekayaan dan kuasa dalam masyarakat.

Pada amnya, syarikat yang mengalami kegagalan adalah kerana tidak mempunyai pekerja mahir atau pekerja yang kompeten dalam mengeluarkan produk tersebut khususnya dalam sektor perkilangan dan pembuatan. Melalui pandangan kajian yang dibuat Storey (1994) mendapati bahawa syarikat yang lebih kecil mempunyai kadar kegagalan yang lebih tinggi daripada syarikat yang lebih besar. Di Australia, kadar kegagalan PKS dilaporkan 23% manakala di Malaysia kadar kegagalan yang makin tinggi pada kadar 60% (Ahmad & Seet, 2009). Menurut Chong dan Almsafir (2013), mendakwa bahawa pada tahun 2009 hanya 4.3% daripada perniagaan baru dapat meneruskan operasi selepas 42 bulan. Lopa dan Bose (2014), mencadangkan bahawa dalam jangka masa panjang, usahawan perlu memberi tumpuan kepada kecekapan keusahawanan untuk kelangsungan perniagaan dan memastikan kejayaan perniagaan dapat dicapai pada masa depan. Ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia (2003), menyarankan supaya semangat keusahawanan yang dimiliki oleh usahawan dan program yang baik untuk pembangunan sumber manusia memberi kesan kepada kejayaan perniagaan PKS (Bank Negara Malaysia, 2003; SME Corp, 2010).



Satu kajian yang dijalankan oleh Lopa dan Bose (2014), yang melibatkan pengeluar PKS menyarankan supaya dengan wujudnya kecekapan keusahawanan; peluang, pembekal, hubungan pasaran, dan komitmen yang dikehendaki oleh pengusaha syarikat kejuruteraan untuk memastikan kejayaan dapat dicapai dalam firma mereka. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Beaver dan Jennings (2005), dan Beaver (2003), menerangkan bahawa melalui pendekatan kajian kes yang melibatkan pemilik perniagaan di United Kingdom, dengan mencadangkan bahawa perniagaan kecil yang gagal kerana pemilik "tidak berkesan" dengan melibatkan tingkah laku seperti ketidakupayaan untuk menguruskan perniagaan, kekurangan tindakan pengurusan profesional, visi perniagaan tidak jelas dan kegagalan dalam sistem kawalan di mana ia boleh dielakkan dengan wujudnya pengantaraan melalui orientasi keusahawanan.



Satu kajian yang dilakukan oleh Alfaadheel (2010), mendapati bahawa sekurang-kurangnya lima ciri dan kecekapan usahawan yang memberikan impak tinggi kepada kejayaan perniagaan; (1) dedikasi, (2) hubungan dengan kepuasan, (3) kemahiran pengurusan, (4) strategik dan (5) pembelajaran. Ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Kristiansen, Furuholt dan Wahid (2003), Shane, Locke, dan Collins (2003) dan Rutherford dan Oswald (2000), mendakwa bahawa orientasi keusahawanan mempunyai kesan yang besar ke atas kejayaan perniagaan.

Bagi syarikat dalam industri teknologi maklumat, kecekapan keusahawanan, interpersonal, pembelajaran, strategik, dan peluang telah dikenal pasti mempunyai hubungan dengan kejayaan syarikat (Tatar, 2013). Sa'ari, Adenan, Hashim, dan



Jamaludin (2013), mengesahkan bahawa orientasi keusahawanan telah membawa kepada prestasi tinggi dalam organisasi dan mendapat kelebihan daya saing berbanding pesaing. Satu lagi penyelidikan yang dijalankan oleh Mitchelmore dan Rowley (2010), orientasi keusahawanan boleh terdiri daripada inovasi, proaktif, dan pengambilan risiko. Hujah-hujah di atas adalah mengenai keutamaan usahawan untuk kejayaan PKS adalah selaras dengan program yang dilaksanakan oleh APEC yang dikenali sebagai Pembangunan Modal Insan yang direka untuk memupuk kecekapan keusahawanan (APEC, 2015) baru-baru ini.

Pandangan ini telah dilanjutkan oleh Kinggundu (2002), dan Baum dan Locke (2004), yang mencadangkan kecekapan keusahawanan adalah faktor utama untuk memastikan kejayaan perniagaan. Konsisten dengan hujah di atas, Gibb (2005), menyarankan supaya kebolehan yang relevan dapat dibangunkan di kalangan usahawan itu dan dianggap sebagai satu langkah penting dalam menyediakan PKS dengan kelebihan daya saing yang mampan terutamanya, kerana perniagaan jenis ini adalah kritikal dan bergantung kepada kredibiliti pemilik perniagaan tersebut. Pemilik atau usahawan yang memiliki kemahiran interpersonal yang tinggi, komitmen yang tinggi dan persepsi sosial yang positif mempunyai peluang yang lebih baik untuk kelangsungan hidup dalam perniagaan (Nassif, Andreassi, Tonelli, & Fleury, 2012).

Satu kumpulan penyelidik menyokong penggunaan kepada petunjuk kewangan, manakala yang lain menekankan perkaitan petunjuk bukan kewangan yang dapat menentukan kejayaan PKS. Dalam konteks PKS, konsep kejayaan perniagaan tidak jelas



(Ahmad, 2007). Terdapat juga kajian yang menegaskan bahawa penggunaan langkah-langkah kewangan tradisional dapat menentukan kejayaan, dalam keuntungan, jumlah jualan dan pulangan ke atas pelaburan, adalah paling utama dalam mengukur sejauh mana firma berjaya atau tidak (Bruderl & Preisendorfer, 1998).

Sebaliknya, kumpulan yang kedua menekankan kepentingan faktor-faktor bukan kewangan dalam menentukan kejayaan perniagaan. Menurut Buttner dan Moore (1997), tumpuan tidak cukup hanya mengukur pada prestasi kewangan manakala langkah-langkah dan penentu yang lain diabaikan untuk mengukur kejayaan perniagaan. Menurut Chong (2012), menjelaskan bahawa kejayaan melibatkan kedua-dua kriteria tradisional seperti keuntungan dan pertumbuhan serta faktor dalaman seperti kepuasan peribadi dan pencapaian.



Idea dan pandangan di atas jelas menunjukkan bahawa langkah terbaik untuk kejayaan bagi firma adalah pencapaian peribadi seperti kepuasan dengan penglibatan peribadi, autonomi, dan keseimbangan kerja dan kehidupan sendiri, dan bukannya hasil kewangan semata mata. Pada dasarnya Beaver (2002), menunjukkan bahawa, majoriti usahawan berpendapat wang bukanlah satu pendorong yang utama tetapi kepuasan yang didapati hasil daripada pengeluaran produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan merupakan kejayaan kepada PKS.

Beberapa kajian yang dibuat mendapati PKS merasakan pencapaian serta matlamat peribadi mereka lebih kepada keuntungan kewangan serta tidak boleh





bergantung semata-mata kepada ukuran bukan kewangan dan mereka menganggap bahawa satu tahap jaminan kewangan telah dicipta (Walker & Brown, 2004). Kejayaan dalam kewangan yang mana keuntungan yang didapati dapat menentukan keupayaan firma untuk mengekalkan dan meneruskan operasinya, serta keupayaan untuk berkembang dalam industri. Selain itu, kejayaan yang diukur dan bukan berbentuk kewangan adalah seperti yang ditunjukkan oleh kepuasan keseluruhan dengan pencapaian matlamat, juga menjadi relevan. Ini adalah apabila PKS mencapai objektif peribadi usahawan tersebut yang dilihat sebagai penting (Walker & Brown, 2004). Oleh itu tumpuan diberikan kepada PKS yang bermula dengan perniagaan julat yang kecil antara kejayaan perniagaan ataupun mungkin pendekatan yang salah untuk memahami kejayaan usahawan (Lumpkin & Dess).



Kebanyakan PKS disifatkan sebagai dinamik, cekap dan inovatif kerana saiz yang kecil dan sederhana telah membolehkan PKS untuk membuat keputusan lebih cepat, lebih memahami keperluan pelanggan dan menukar strategi pengurusan (Idar & Mahmood, 2011; Singh, Garg, & Deshmukh, 2008). Menurut Lin dan Chen (2007), kelangsungan hidup PKS dapat diteruskan selama bertahun-tahun di pasaran melalui inovasi. Zhao (2005), mencadangkan bahawa usahawan adalah pemacu utama untuk melakukan inovasi dalam perniagaan. Dalam satu kajian yang dibuat oleh Rosenbusch, Brinckmann dan Bausch (2011), menyarankan supaya inovasi mempunyai kesan positif kepada kejayaan perniagaan PKS. Tetapi setakat ini bukti tersebut juga tidak meyakinkan (Li & Atuahene, 2001).



Inovasi adalah salah satu dimensi daripada orientasi keusahawanan dan diterima sebagai satu keperluan dan merupakan sumber yang penting bagi kelestarian dan pertumbuhan firma (SME Pelan Induk 2012-2020; Varis & Littunen, 2010). Inovasi dapat memberikan manfaat dalam sesbuah perniagaan tetapi memerlukan kos yang tinggi untuk melaksanakannya (Niera, Lindman, & Fernandez, 2009). Satu kajian yang telah dilakukan oleh Ilker dan Baki, (2011), inovasi produk dan inovasi proses mempunyai hubungan yang kuat dan positif dalam menentukan kejayaan perniagaan dalam PKS. Dalam sektor perkilangan di Malaysia menunjukkan bahawa inovasi mempunyai hubungan yang positif dengan kejayaan perniagaan dan usahawan telah dicadangkan untuk memberi lebih tumpuan kepada inovasi untuk meningkatkan kepuasan pelanggan (Mohsin, Halim, Ahmad, & Farhana, 2017).

PKS dianggap lebih inovatif kerana fleksibiliti, keupayaan yang lebih tinggi untuk menyesuaikan diri dan bertambah baik, justeru mereka adalah penggerak dalam melaksanakan perubahan. Inovasi dan proaktif adalah alat kepada PKS untuk kekal berdaya saing dan mencapai kejayaan yang lebih tinggi (Darroch & McNaughton, 2002). Sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran, PKS dapat menyesuaikan diri, membangunkan idea-idea baru, dan meningkatkan produk sedia ada sama ada melalui, perubahan utama atau perubahan yang kecil seperti sambungan kepada rangkaian produk yang sedia ada (Gehlhar, Regmi, Stefanou, & Zoumas 2009). Dalam usaha untuk kelangsungan hidup, PKS perlu menyesuaikan diri dengan perubahan industri dan juga perlu membiasakan diri dengan kemajuan teknologi dan mencipta produk atau perkhidmatan baru dari semasa ke semasa. Dalam satu kajian yang dibuat, didapati



bahawa PKS mempunyai kadar inovasi yang lebih tinggi (Das & He, 2006; O'Dwyer & Ledwith, 2009). PKS sentiasa bersaing untuk mendapatkan cara-cara bagi meningkatkan kemampuan mencipta yang memberi manfaat kepada pelanggan, Inovasi adalah elemen menarik yang membawa kepada peningkatan kepada kejayaan PKS.

Konsep kejayaan perniagaan dalam PKS ditakrifkan dalam pelbagai cara yang berbeza (Tehseen & Ramayah, 2015). Tiada definisi kejayaan PKS yang diterima secara universal, dan mungkin salah satu sebab mengapa ia telah ditafsirkan dalam pelbagai cara (Jennings & Beaver, 1997). Oleh yang demikian, tiada kajian setakat ini telah dijalankan secara sistematis bagi meneroka dan mengesahkan definisi kepada kejayaan yang benar-benar bermakna kepada usahawan PKS (Ahmad, Wilson, & Kummerow, 2011). Walau bagaimanapun, beberapa unsur-unsur bukan kewangan seperti gaya hidup dan faktor-faktor sosial lebih penting dalam mempengaruhi kejayaan perniagaan di Australia (Ahmad & Seet, 2009). Wiklund (1999) dan, Hudson, Smart dan Bourne (2001), mencadangkan kedua-dua aspek pelengkap kewangan dan bukan kewangan antara satu sama lain dapat menunjukkan kejayaan perniagaan sebenar perniagaan.

Memandangkan isu-isu dalam pengetahuan yang sedia ada seperti yang dibincangkan, kajian ini berusaha untuk merapatkan jurang dengan memeriksa kesan daripada program pembangunan PKS dengan kejayaan PKS, diselesaikan oleh orientasi keusahawanan.





### 1.3 Piawai Penentu Saiz

Perniagaan kecil dan sederhana (PKS) dapat ditakrifkan dengan jumlah bilangan pekerja atau jumlah pendapatan yang diperolehi melalui sesbuah perniagaan PKS yang dijalankan. Walau bagaimanapun, kedua-dua penentu ini mesti berada di bawah piawaian tertentu yang ditetapkan oleh setiap negara. Semua negara mempunyai piawaian yang berbeza-beza untuk memenuhi syarat sebagai perniagaan PKS. PKS adalah bukannya anak syarikat di mana ianya adalah firma bebas yang menggunakan kurang daripada bilangan pekerja yang diberikan. Keadaan ini berbeza di semua negara. Perkara yang paling penting menunjukkan perniagaan PKS ialah jumlah pekerjanya seramai 250, seperti di Kesatuan Eropah. Walau bagaimanapun, sesetengah negara menetapkan had kepada 200 pekerja, manakala Amerika Syarikat menganggap PKS adalah firma yang mempunyai kurang daripada 500 pekerja. Firma-firma kecil biasanya mempunyai kurang daripada 50 pekerja, manakala perusahaan mikro pula mempunyai 5 hingga 10 pekerja sahaja. Aset kewangan juga digunakan untuk menentukan saiz PKS. Jadual berikut mewakili definisi PKS Malaysia.

Jadual 1.1

*Penentu Saiz PKS Malaysia*

Jumlah Pekerja (BIL)	Jualan Tahunan (RM)
Mikro	1-5
Kecil	5-75
Sederhana	75-200

(Sumber: SME Corp, Malaysia) 2018






Sumbangan khusus kepada pertumbuhan PKS di Malaysia dapat dihuraikan apabila wujudnya perkembangan inovasi. Dengan wujudnya perkembangan inovasi akan membolehkan penghasilan produk dengan lebih berkualiti dan juga keluaran yang tinggi. Walaupun secara langsung sukar untuk PKS membuat inovasi di Malaysia, penglibatan PKS dalam pelbagai aktiviti ekonomi telah banyak menyumbang kepada pendapatan dan pembangunan negara dalam menghasilkan produk yang berbeza bagi setiap usahawan. Di samping itu, PKS adalah lebih fleksibel, dinamik dan lebih sensitif terhadap perubahan permintaan daripada syarikat besar. Pembangunan ekonomi Malaysia adalah berkait rapat dengan pembangunan dalam ekonomi global, disebabkan keterbukaan ekonomi dan penguasaan aktiviti perdagangan.



telah menyumbangkan sebanyak 60 peratus kepada keseluruhan pertumbuhan perindustrian pada tahun-tahun awal kemerdekaan contohnya adalah seperti penanaman sawah padi, getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, telah berlakunya kejatuhan permintaan pada tahun 1970-an, ini adalah disebabkan oleh kenaikan kepentingan industri bukan berdasarkan sumber, terutama sekali elektronik dan tekstil. Satu kajian mendapati bahawa sumbangan PKS amatlah sedikit dalam struktur perindustrian domestik di Malaysia, manakala hubungan dengan seluruh ekonomi adalah lemah. PKS secara umum yang berorientasikan eksport berdasarkan teknologi, khususnya dapat dilihat terutamanya dalam konteks peranan PKS dalam memberikan dorongan kepada pembangunan Malaysia dalam ekonomi global (Wasiuzzaman & Nurdin 2019).





*Rajah 1.1. Taburan PKS di Malaysia mengikut Negeri Sumber: Banci Ekonomi 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia*

Rajah 1.1 menunjukkan taburan PKS yang terdapat di Malaysia mengikut negeri yang mana sumber tersebut didapati daripada banci ekonomi yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016. Mengikut taburan PKS yang dibuat, populasi PKS di Negeri Perak adalah lebih kurang 72,000 iaitu sebanyak 8.3%. Tumpuan kajian adalah di Negeri Perak yang meliputi 12 Daerah kesemuanya. Populasi PKS di Negeri Perak juga merupakan peratusan tertinggi berbanding negeri lain seperti Kedah (5.4%), Pulau Pinang (7.4%), dan Perlis (0.8%) yang mewakili wilayah utara.

Selain itu juga, kajian dilakukan di Negeri Perak adalah kerana melihat kepada pertumbuhan dalam sektor PKS selama dua tahun berturut-turut iaitu 2016 dan 2017 adalah amat memberansangkan berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Bagi tempoh 2009 hingga 2016, sebanyak 342 projek dalam sektor pembuatan telah diluluskan dengan nilai RM19.1 bilion. Ia melibatkan RM10.1 bilion pelaburan asing dan pelaburan domestik sebanyak RM9 billion. Manakala, dalam tempoh Januari hingga Jun 2017 ini,



sektor industri pembuatan terus mencatatkan pertumbuhan, dengan komitmen pelaburan sebanyak RM366 juta, dan mampu menawarkan 1,140 peluang pekerjaan. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Pada tempoh yang sama, sektor perkhidmatan juga menyumbang sebanyak RM270 juta komitmen pelaburan kepada ekonomi negeri. Antara penyumbang utama termasuklah industri tenaga hijau dan projek pelancongan.

Pertumbuhan sektor PKS di Perak ini amat memberangsangkan. Usahawan PKS bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi malahan mereka adalah job creator atau penjana pekerjaan. Perak mencatatkan bilangan usahawan PKS seramai 75,000 orang dan berada di kedudukan keempat tertinggi selepas Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).



#### 1.4 Pernyataan Masalah

PKS sering berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya bagi syarikat besar dan syarikat multinasional. Isu-isu dan cabaran ini juga sering dihadapi oleh PKS di seluruh dunia. Menurut Yusoff, Jia, et al. (2018), syarikat-syarikat kecil di Malaysia menghadapi pelbagai masalah antaranya adalah termasuk keadaan ekonomi, kenaikan kos insurans, cukai, kesihatan dan keselamatan, kekurangan pinjaman bank, persaingan di pasaran domestik dan dari luar negara, isu pengangkutan, jurang kemahiran pekerja. Isu-isu ini secara keseluruhan menujukkan hubungan langsung dengan PKS di Perak khususnya yang terlibat dengan program pembangunan PKS dengan fasa perancangan perniagaan



negara. Selain itu, daripada pemerhatian pengkajian ini kebanyakannya perniagaan khususnya PKS di Perak mengalami masalah dalam mencapai kejayaan disebabkan oleh kurangnya pendedahan dalam program pembangunan PKS. Masalah lain adalah isu jualan dan pemasaran yang tidak berkesan. Masalah umum yang dihadapi oleh usahawan PKS di Perak adalah mencari pelanggan untuk mendapatkan produk perniagaan, pengurusan masa, pengetahuan mengenai cara penetapan harga perkhidmatan atau produk dengan betul, promosi tawaran harga serta cadangan dan aktiviti perniagaan yang dijalankan. PKS juga menghadapi masalah biasa berkaitan dengan kos sara hidup manusia dan persaingan dalam perniagaan khususnya firma-firma besar di kawasan bandar (Othman, Shaarani, et al. 2019)



05-4506832

Dalam kes yang terdapat di Malaysia, salah satu masalah utama yang dihadapi

oleh PKS di Perak adalah mereka mengalami kekurangan maklumat mengenai saluran pemasaran dan gagal untuk mewujudkan rangkaian pemasaran yang baik supaya lebih dikenali. Zainol, Osman, et al. (2018), mengenal pasti bahawa masalah utama yang dihadapi oleh PKS di Malaysia adalah kekurangan pengetahuan dan pendedahan mengenai teknik pemasaran, pengeksportan, penjenamaan, dan juga kekurangan jaringan yang baik dengan perusahaan tempatan dan antarabangsa yang lain. Di samping itu, menurut Radzi, and Ariffin (2018), menyatakan bahawa masalah dalam pemasaran produk PKS adalah disebabkan oleh reka bentuk yang kurang baik, produk yang tidak berkualiti, penggunaan bahan mentah berkualiti rendah dan kekurangan buruh mahir serta kurangnya promosi perkhidmatan selepas jualan.



Di pasaran domestik, usahawan PKS di Perak mempunyai akses terhad kepada perolehan oleh Kerajaan dan syarikat besar. Ini disebabkan oleh persepsi bahawa produk dan perkhidmatan oleh PKS adalah berkualiti rendah (PKS, Pelan Induk, 2012-2020). Di samping itu, Azmi, Abdullah, et al. (2018), menegaskan bahawa usahawan PKS di Perak juga mempunyai kapasiti terhad kepada pesanan yang lebih besar. Pembekalan kepada kerajaan dan firma yang besar adalah langkah penting untuk menembusi eksport pasaran. Dalam memenuhi keperluan pasaran antarabangsa, usahawan PKS di Perak tidak mempunyai pengetahuan dan sumber yang mencukupi. Kos yang tinggi diperlukan untuk akses kepada pasaran bagi memenuhi keperluan pasaran yang memerlukan sumber yang banyak serta pengurusan tenaga mahir. Di samping itu, jumlah perniagaan PKS yang rendah dan peranan dalam mendapatkan rantai bekalan juga memberi kesan potensi eksport kerana mereka tidak dapat menghasilkan jumlah besar untuk mencapai skala ekonomi dalam pembelian bahan mentah yang diperlukan untuk pasaran eksport.

Mengikut kajian yang dilakukan sebelum ini lebih daripada 50 peratus PKS gagal dalam tempoh lima tahun pertama operasi (Othman, Shaarani, et al. 2019). PKS di Perak lebih cenderung untuk mendapatkan pinjaman bank bagi membiayai perniagaan mereka. Di peringkat awal, mereka bergantung pada simpanan sendiri atau wang tunai daripada rakan dan keluarga untuk menjalankan perniagaan atau perusahaan mereka. Kira-kira separuh daripada perniagaan PKS di Perak tidak mempunyai akses kepada kredit yang sesuai dengan perniagaan mereka. Keseluruhannya, kira-kira 70% daripada semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam pasaran baru didapati kurangnya akses kepada pembiayaan (Kassim, Buang, et al. 2018).





Malaysia juga menghadapi beberapa isu mengenai pembangunan pengetahuan dan modal insan. Ramai pekerja dan usahawan PKS di Perak tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi (Hasan, 2018). Akibatnya pekerja-pekerja ini mendapat sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang dibayar dengan baik dalam pasaran buruh. Daripada 882 pekerja sepenuh masa di PKS di Kuala Lumpur, dikaji oleh penulis pada tahun 2015, 59.1 peratus telah mencapai Sijil Pelajaran Rendah (LCE) atau setaraf manakala 29.5 peratus daripada mereka hanya menghadiri sekolah rendah menyebabkan tiada seorang pun daripada mereka yang memperoleh sijil tertiar. Begitu juga, Hasan (2018), mendapati bahawa 74.8 peratus pemilik usahawan PKS di Perak tidak mempunyai pendidikan menengah atas. Menurut Tan, Yuen, et al. (2018), masalah pengurusan timbul kerana seseorang usahawan tidak mempunyai pendidikan tinggi atau latihan profesional.



Ini akan menyebabkan masalah kepada mereka untuk mengetahui pelbagai aspek dari segi pengurusan seperti kewangan, pemasaran, perakaunan dan disiplin lain. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes perusahaan tidak memahami penyata kewangan atau menggunakan untuk tujuan perancangan. Pembekalan buruh bagi sektor PKS di Perak dilaporkan mengalami kekurangan dari aspek kesediaan pekerjaan dan mengakibatkan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan. Oleh itu, adalah penting bahawa usahawan di PKS Perak perlu menangani usaha negara ke arah mencapai ekonomi berasaskan pengetahuan melalui latihan dan kejayaan perniagaan mereka.





## 1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu:

- a) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Program Pembangunan Modal Insan dengan kejayaan PKS di Perak?
- b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Program Akses Kepada Pembiayaan dengan kejayaan PKS di perak?
- c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Program Akses Kepada Pasaran dengan kejayaan PKS di Perak?
- d) Apakah kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara Program Pembangunan PKS dan kejayaan PKS di Perak?
- e) Apakah kepentingan Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Perak?
- f) Apakah jantina yang mendominasi PKS di Perak dalam Orientasi Keusahawanan?

## 1.6 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat kesan program pembangunan PKS kepada PKS di Perak. Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan untuk:





- a) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara Program Pembangunan Modal Insan dengan kejayaan PKS di Perak.
  - b) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara Program Akses Kepada Pembiayaan dengan kejayaan PKS di Perak.
  - c) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara Program Akses Kepada Pasaran dengan kejayaan PKS di Perak.
  - d) Untuk menganalisis kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara Program Pembangunan PKS dan kejayaan PKS di Perak.
  - e) Untuk mengetahui kepentingan Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Perak.
- f) Untuk mengetahui jantina yang mendominasi PKS di Perak dalam Orientasi Keusahawanan?


## 1.7 Rangka Kerja Teori Kajian

Seperti yang dibincangkan di atas, kajian ini menganalisis kesan hubungan antara program pembangunan PKS dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. Di samping itu, kajian ini akan meneroka dengan mengintegrasikan orientasi keusahawanan ke dalam kerangka dan menjadikannya rangka kerja yang integratif. Dari kajian literatur iaitu Man dan Lau (2005), Man (2001), Ahmad (2007), Ramayah et al. (2010) dan Chandler dan Hansen (1992), orientasi keusahawanan telah menyumbang kepada kerangka konsep ini.



Kajian ini juga meliputi penyelidikan yang sedia ada dengan menjadikan orientasi keusahawanan sebagai pembolehubah pengantara.

Dalam kajian ini program pembangunan PKS adalah terdiri daripada 1) program akses kepada pembiayaan, 2) program akses kepada pembangunan modal insan, dan 3) program akses kepada pasaran. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka teori kajian ini.



*Rajah 1.2. Kerangka Teori Penyelidikan*      Kerangka Teori Penyelidikan

*Key:* Program pembangunan PKS (PP), Orientasi Keusahawanan (EO) dan Kejayaan Perniagaan (BS)

### 1.7.1 Rangka Kerja Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini adalah satu rumusan berkaitan dengan program pembangunan PKS yang meliputi program akses kepada pembiayaan, program akses kepada modal insan, dan program akses kepada pasaran yang mempunyai hubungan



dengan kejayaan perniagaan dapat direalisasikan dengan orientasi keusahawanan. Oleh itu, pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada program pembangunan PKS yang mempunyai hubungan langsung kepada kejayaan perniagaan. Dalam rangka kerja juga, disyorkan bahawa orientasi keusahawanan memainkan peranan dalam campur tangan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan.

Rangka kerja yang dibentangkan pada halaman seterusnya, menunjukkan orientasi keusahawanan (inovasi, autonomi, pengambilan risiko, dan proaktif), mempunyai kesan hipotesis kepada kejayaan perniagaan (kewangan dan bukan kewangan). Rajah 1.3 membentangkan hubungan hipotesis, di mana orientasi keusahawanan itu dikemukakan untuk menjadi pengantara hubungan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan. Kajian ini mengkaji kesan penglibatan PKS dalam setiap program yang dijalankan kepada orientasi keusahawanan sama ada lebih baik dan membantu PKS kepada kejayaan perniagaan yang lebih tinggi.





Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

Nota: menunjukkan kesan langsung -----> menunjukkan kesan pengantara

## 1.8 Skop Kajian

Skop utama kajian ini adalah untuk mengukur apakah kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan usahawan PKS di Perak. Dalam pada masa yang sama, kajian ini juga ingin mengukur kepentingan program pembangunan PKS terhadap kejayaan usahawan PKS di Perak serta untuk mengetahui jantina yang mendominasi PKS dalam Orientasi

Keusahawanan. Keunikan kajian ini ialah pengkaji ingin mengukur tahap pengantaraan orientasi keusahawanan dari padangan yang berbeza iaitu dengan mengambilkira aspek jantina yang mendominasi PKS di kalangan usahawan PKS di Perak. Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberi penjelasan dari aspek pengaruh atau perbezaan jantina dalam orientasi keusahawanan. Kajian ini dibuat dengan mengumpul data yang merangkumi PKS Perak di mana pengkaji akan mengedar boring soal selidik kepada kesemua usahawan PKS di Perak yang merangkumi 12 Daerah.

Menurut SME Corp (2016), PKS di Malaysia boleh dikelaskan kepada tiga kategori berdasarkan saiz; mikro, kecil dan sederhana. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah terhad kepada perniagaan kecil dan sederhana sahaja. Kajian ini tidak termasuk syarikat-syarikat mikro kerana syarikat-syarikat ini tidak rasmi, tidak membangunkan inovasi tidak teratur dan tidak berstruktur (Otero-Neira, Lindman, & Fernández, 2009; Wong & Merriles, 2008).

Untuk mencapai objektif kajian ini, pemilik dan pengurus perniagaan diperlukan dalam menjawab soal selidik kerana mereka adalah orang yang paling relevan yang boleh memberi maklumat yang diperlukan (Man, 2001; Murjan, 2007). Menurut (Langlois & Cosgel, 1993), usahawan berperanan sebagai pemilik yang mempunyai tanggungjawab dan kawalan dalam perniagaan. Skop utama kajian ini adalah untuk mengukur apakah kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan usahawan PKS di Perak. Dalam masa yang sama, kajian ini juga ingin mengukur kepentingan program pembangunan PKS terhadap



kejayaan usahawan PKS di Perak serta adakah faktor jantina mempengaruhi orientasi keusahawanan.

### **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengutip maklumat daripada usahawan PKS. Pengkaji hanya menumpukan terhadap kaedah kuantitatif iaitu mengedar borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat atau data dari PKS di Perak. Pengkaji juga tidak melakukan temuduga iaitu kaedah kualitatif. Berdasarkan kaedah kualitatif kita boleh mengetahui persepsi PKS di Perak dalam usaha mengukur program pembangunan

PKS dengan kejayaan perniagaan yang mendorong mereka untuk melakukan perniagaan harian dengan efisien. Sebab utama kaedah kualitatif tidak digunakan adalah kerana pengkaji ingin menjimatkan masa dalam usaha untuk mengutip data kepada sampel kajian yang merangkumi usahawan PKS di Perak seramai 304 orang.

### **1.10 Signifikasi kajian**

Kajian ini menyentuh isu program pembangunan PKS yang dibuat oleh agensi yang berkaitan dalam konteks yang terdapat di Malaysia khususnya di Negeri Perak. Ia memberikan gambaran yang jelas mengenai program pembangunan PKS di kalangan PKS di Perak. Ia memberikan pengetahuan tentang orientasi keusahawanan di kalangan



PKS di Perak berada pada tahap yang minimum. Penyelidikan ini juga memberi petunjuk tentang orientasi keusahawanan, dan kejayaan perniagaan di kalangan usahawan PKS di Perak saling berhubungan atau sebaliknya. Oleh itu, usahawan PKS di Perak boleh membuat pilihan dan melibatkan diri di dalam program pembangunan PKS yang mereka perlukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang lebih mendalam untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Selain itu, penemuan ini boleh membantu agensi yang berkaitan untuk membangunkan dasar yang lebih baik untuk menggalakkan program pembangunan PKS di kalangan usahawan PKS di Perak dan ianya bukan sahaja tertumpu di kawasan bandar sahaja. Program pembangunan PKS dan insentif perlu dibangunkan untuk menggalakkan orientasi keusahawanan dikalangan PKS di Perak yang boleh meningkatkan kejayaan usahawan dan membantu usahawan di PKS Perak menjadi kompetitif di peringkat global. Di samping itu, melalui dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat digunakan sebagai maklumat dan input khususnya bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) Malaysia amnya untuk memperkasakan lagi kejayaan perniagaan usahawan PKS dalam menghasilkan usahawan yang membanggakan negara dan dapat memberikan saingan produk pengeluaran dengan usahawan di luar negara.

Selepas itu, melalui program-program yang dianjurkan, diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu usahawan PKS di Perak untuk mengatur strategi, mengadakan latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu yang diperlukan bagi meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan seterusnya memberikan kejayaan dalam

setiap perniagaan yang diusahakan. Dapatan ini akan digunakan untuk membolehkan PKS di Perak serta pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengenali, memahami, menghargai dan mengiktiraf program pembangunan PKS mengikut kesesuaian dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Seterusnya adalah melalui kajian ini akan memberi input kepada pembolehubah pengantara iaitu orientasi keusahawanan yang akan mengukuhkan program pembangunan PKS di semua peringkat perniagaan di PKS di Malaysia tanpa mengira sektor dan pengalaman. Ia juga membantu pengurusan atasan PKS supaya lebih sedar tentang penentu tahap orientasi keusahawanan dan faktor-faktor yang mempunyai kesan yang besar kepada kejayaan perniagaan PKS di Perak. Dengan wujudnya hasil kajian ini diharapkan boleh menjadi satu perangsang kepada peningkatan program pembangunan PKS yang dianjurkan khususnya di Perak yang diletakkan di semua Kementerian / Agensi / Jabatan. Selain itu, hasil kajian mungkin dapat membantu usahawan PKS di Perak dalam menghasilkan pendekatan strategik untuk meningkatkan orientasi keusahawanan yang seterusnya boleh mencapai misi kerajaan. Pada masa yang sama, ia juga boleh meningkatkan kejayaan perniagaan di PKS di Perak. Seterusnya adalah melalui kajian ini sedikit sebanyak akan dapat membantu usahawan PKS di Perak mendapatkan program pembangunan PKS yang mempunyai tahap orientasi keusahawanan yang tinggi dan boleh menilai kejayaan perniagaan berdasarkan latar belakang, pengalaman, jantin yang boleh menjadi panduan kepada orang lain khususnya usahawan PKS di Perak.



Tambahan pula, dapatan kajian ini secara positif akan memberi manfaat sebagai sumber maklumat untuk kajian akan datang mengenai isu ini supaya kajian ini dapat dipanjangkan dengan mengambilkira isu lain khususnya dalam mencapai kejayaan di dalam perniagaan. Ia juga akan menambah kajian literatur orientasi keusahawanan yang boleh digunakan sebagai salah satu rujukan atau panduan untuk kajian akan datang serta meningkatkan kesusteraan dalam pengurusan perniagaan PKS di Malaysia.

## 1.11 Definisi Operational

Kajian ini mengguna pakai berberapa istilah utama yang diberi definisi operasional seperti



### 1.11.1 PKS

Firma dengan perolehan jualan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang. (SME Corp. 2019).



### **1.11.2 Program Keusahawanan**

Program Keusahawanan adalah proses merancang, melancarkan dan menjalankan perniagaan baru (Martínez Puentes, et al. 2018).

### **1.11.3 Orientasi Keusahawanan**

Orientasi keusahawanan adalah orientasi strategik peringkat firma yang menerangkan mengenai amalan strategi pengurusan organisasi, falsafah pengurusan, dan kelakuan tegas yang bersifat keusahawanan. (Covin, dan Wales 2019). Keupayaan pengurus untuk melaksanakan keusahawanan menjadi strategi syarikat untuk mencapai tujuannya, menyokong visinya, dan merangsang daya saing (Rauch et al., 2009).

### **1.11.4 Autonomi**

Kecekapan dan permulaan usahawan dalam mengesan produk dan perkhidmatan baru. Dalam persekitaran organisasi, autonomi ditakrifkan sebagai tindakan yang dimulakan bebas daripada kepatuhan kepada tradisi (Lumpkin & Dess, 1996a).



### **1.11.5 Pengambilan Risiko**

Mengambil risiko terhadap pemahaman yang jelas mengenai perancangan strategik, dan sumber yang sesuai untuk inisiatif baru (Lumpkin & Dess, 1996a).

### **1.11.6 Inovasi**

Menonjolkan keinginan syarikat untuk beralih dari amalan semasa dan membelanjakan di luar kelebihan utama (Covin, Green, & Slevin, 2006).



### **1.11.17 Proaktif**

Inovasi disertai dengan perancangan yang teliti untuk masa depan syarikat (Lumpkin & Dess, 1996a).

### **1.11.8 Pretasi Pelanggan**

Pengukuran kepada syarikat yang telah mendapat kejayaan telah dapat menarik, dan memuaskan pelanggan, dan memperoleh pesanan berulang (Hughes & Morgan, 2007).





### **1.11.9 Keusahawanan Korporat**

Kepelbagaiannya firma melalui pertumbuhan dalaman (Burgelman, 1983).

### **1.11.10 Keusahawanan**

Suatu keghairahan syarikat ke arah meramal dan memasuki peluang pasaran, sumber dan atau kaedah baru yang mana pesaing belum dikenal pasti atau ditemui sepenuhnya (Eggers, Kraus, Hughes et al., 2013).



### **1.11.12 Pretasi Kewangan**

Mengukur prestasi kewangan firma adalah seperti margin keuntungan, dan pulangan atas pelaburan (ROI). (Jaakkola, 2006).

### **1.11.13 Pasaran**

Satu tempat di mana pembeli dan penjual berinteraksi untuk berdagang dengan baik dan perkhidmatan untuk wang atau pertukaran untuk barang atau perkhidmatan lain (Kraus, 2013).





### 1.11.14 Keuntungan

Menurut penemuan dari Jarad, Yusof, dan Shafiei (2010) keuntungan bagi PKS di Malaysia adalah diukur dengan menggunakan jumlah jualan, peningkatan jualan, jumlah keuntungan, dan juga peningkatan keuntungan yang digunakan sebagai penunjuk prestasi kewangan.

### 1.11.15 Kejayaan Perniagaan

Chandler dan Hanks (1993), kejayaan perniagaan diukur dengan menggunakan dua pendekatan berasingan seperti kepuasan diri, kemajuan kerjaya, kepuasan pelanggan, pengakalan pelanggan, kepuasan pekerja, hubungan dengan pembekal, imej perniagaan, perhubungan industri di tempat kerja, dan, bekerja dan keseimbangan hidup.

## 1.12 Sumbangan Kajian

Kajian ini dapat memberi sumbangan dari pelbagai aspek iaitu dari segi praktikal, teoritikal, dan Metodologikal. Penerangan untuk setiap sumbangan tersebut akan di terangkan berdasarkan penelitian yang terperinci untuk pemahaman para pembaca.





### 1.12.1 Sumbangan Pratikal

Wayne Wong Lim, CEO Kumpulan Malaysia, SME Media Group, berkata sejak beberapa tahun yang lalu, PKS di Malaysia menerima lebih banyak bantuan daripada persatuan perdagangan dan perniagaan, serta organisasi swasta. Ini timbul apabila lebih banyak pihak mula menyedari betapa pentingnya komuniti PKS. Menurut Lim, lebih banyak saluran untuk mengakses instrumen pembiayaan membolehkan PKS untuk meneruskan operasi atau mengembangkan perniagaan tanpa kekangan kewangan.

Lim (2012) juga menegaskan faktor-faktor yang lebih luas yang berpotensi memberi kesan kepada komuniti PKS di Malaysia. Sebagai contoh, beliau berkata bahawa negara kini mempunyai hutang yang tinggi dan menyaksikan beberapa projek mega sama ada ditahan atau dibatalkan, seperti Railways Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura, Laluan Pantai Timur dan saluran paip gas trans-Sabah. Memandangkan kerajaan berjaya dalam memperkuuh pertumbuhan PKS, Lim berkata ia perlu mempunyai lebih banyak perbualan dengan PKS dan industri kecil dan sederhana (SMI) untuk memahami cabaran yang dihadapi mereka. Di samping itu, kerajaan juga boleh membantu PKS dengan meluaskan produk Malaysia ke pentas global dan membawa rakan asing yang berpotensi untuk bekerja dengan PKS tempatan dan menggalakkan pemindahan teknologi.

Wong juga berkata adalah berguna bagi kerajaan Malaysia untuk menawarkan PKS dengan membuat perundingan perniagaan bagi membantu mereka dalam membuat



keputusan yang lebih baik, serta membolehkan PKS tempatan untuk mengambil bahagian dalam projek mega atau rancangan induk ekonomi bergerak ke hadapan. Sementara itu, Lim SME Media Group mengatakan produktiviti, sumber manusia dan pembiayaan sebagai tiga cabaran utama yang menghalang pertumbuhan PKS, dan oleh itu, program pembangunan kapasiti manusia di dalam Pelan Induk PKS juga penting untuk pertumbuhan PKS di Malaysia.

Untuk meningkatkan produktiviti dan mendorong PKS ke Industri 4.0, Lim mencadangkan untuk membangunkan aplikasi mudah alih khas untuk membantu PKS dalam mengotomatisasi proses mereka. Walaupun kos membina aplikasi mudah alih mungkin terlalu tinggi, ia akan menjadi sangat cekap apabila ia digunakan oleh berjuta-juta PKS di Malaysia, seperti WeChat yang kini mempunyai kira-kira 500 juta pengguna di China.

Lim (2012) juga menyifatkan PKS sebagai "pusat pengurusan dan pembangunan bakat terbesar". Ini kerana graduan baru cenderung lebih suka bekerja untuk syarikat yang lebih besar dan lebih terkenal. Mereka yang tidak dapat menempatkan diri di syarikat besar akan bersama dengan PKS tetapi akhirnya beralih kepada syarikat multinasional (MNC) setelah mereka memperoleh pengalaman selama dua hingga tiga tahun. Syarikat-syarikat besar sekali lagi mempunyai kelebihan tambahan untuk memilih dan merekrut bakat terbaik yang ada, kata Wong. Beliau menambah bahawa ini akan menyebabkan PKS tidak dapat merekrut dan mengekalkan bakat dan pengalaman yang ada. "Harus ada dasar untuk memberi insentif dan mengimbangi PKS untuk membantu



syarikat besar dan negara membangun." kata Lim. Mengikut kaji selidik oleh SME Corp. dan Universiti INTI, ia mengambil masa kira-kira 95 hari untuk PKS dibayar apabila mereka menawarkan kredit kepada syarikat yang lebih besar. Lim berpendapat bahawa perbadanan yang lebih besar perlu membayar PKS dengan lebih cepat untuk pembelian dan bukan menuntut syarat kredit yang panjang dari pembekal PKS mereka, memandangkan bekas kewangannya lebih kukuh.

Berdasarkan kenyataan diatas kita dapat menemui bahawa program pembangunan PKS diberi pandangan serius oleh pihak agensi yang terlibat. Oleh yang demikian kita dapat menemui bahawa kajian ini boleh dijadikan piawaian kepada pihak-pihak berketinggan dalam menceburi dan menganjurkan program pembangunan yang diperlukan secara mandalam bagi mengetahui tahap kejayaan perniagaan usahawan. Dalam pada masa yang sama kajian ini juga meneroka terhadap inovasi yang dibuat oleh usahawan terhadap perniagaan mereka yang merupakan salah satu daripada faktor bagi orientasi keusahawanan. Oleh yang demikian hasil kajian ini boleh dijadikan sumber utama dalam menilai kejayaan perniagaan di PKS di Perak.

### 1.12.2 Sumbangan Teoritikal

Kajian ini telah menggunakan rangka kerja kajian atau teori yang berbeza ia dimana pengkaji telah menggunakan pembolehubah yang berbeza daripada pengkaji-pengkaji lepas dimana pengkaji kajian ini menggunakan tiga pemboleh ubah bebas iaitu; program



pembangunan PKS dengan kejayaan perniagaan usahawan dan orientasi keusahawanan. Oleh yang demikian sumbang teoritikal kajian ini memperkenalkan teori atau rangka kerja baru kepada para pembaca dalam usaha untuk dijadikan sebagai panduan untuk mengekplorasi kajian lain dengan menggunakan teori yang digunakan oleh kajian ini.

### **1.12.3 Sumbangan Metodologikal**

Dari aspek metodologi, kajian ini mengemukakan borang soal selidik yang berbeza dan lebih terperinci kepada persoalan kajian. Sepertimana yang dibincangkan kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengutip data di kalangan PKS di Perak. Kajian ini mengambil borang kaji selidik dari kajian yang dibuat oleh SME Corp. sebagai panduan utama yang menumpukan kepada program pembangunan PKS, orientasi keusahawanan, dan kejayaan PKS. Oleh yang demikian, borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini boleh diguna pakai oleh pengkaji lain untuk mengkaji isu orientasi keusahawanan. Sumbangan ini (Borang kaji selidik) akan membantu pihak-pihak seperti para akademik, agensi-agensi yang ingin membantu PKS, pengkaji yang mempunyai minat atau kepentingan dalam menilai tahap kejayaan perniagaan dalam kajian mereka yang akan menambah pemahaman secara mendalam. Selain itu, skala pemboleh ubah dalam kajian ini adalah berbeza dari pemboleh ubah yang pernah diguna oleh para pengkaji lain iaitu dalam kajian ini para pengkaji telah menggunakan orientasi keusahawanan sebagai mediator dalam mengukur perbezaan hubungan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan.



### 1.13 Struktur Kajian

Tesis ini dibahagikan kepada 5 bab mengikut susunan seksyen. Bab 1, yang merupakan bab ini, menyoroti latar belakang penyelidikan, konteks kajian, pernyataan masalah dan pertanyaan penyelidikan yang penting dalam penyelidikan, struktur tesis dan ringkasan bab. Bab 2 mentakrifkan dan menerangkan konsep program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan, menerangkan pautan program pembangunan PKS, mengkaji semula kajian terdahulu dan sumber yang diterbitkan mengenai budaya kolaborasi, dan membincangkan kajian dan kertas kajian dan menyimpulkan perbincangan dengan tujuan untuk mengenal pasti isu-isu kritikal, mengenai kerjasama, dalam program pembangunan PKS. Bab 3 menerangkan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini. Ia membincangkan falsafah penyelidikan, jenis penyelidikan, rangka penyelidikan, pemilihan strategi dan akhirnya proses penyelidikan itu sendiri berkaitan dengan pernyataan masalah yang disebutkan di atas. Bab 4 membentangkan analisis data yang dikumpulkan dari soal selidik tinjauan yang dijalankan untuk kajian ini. Bab ini membincangkan pengambilan item, kesahan dan kebolehpercayaan data, kejayaan perniagaan maklumat responden dan tahap program pembangunan PKS dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. Penemuan dari bab ini sepatutnya dapat menjawab soalan penyelidikan 1 iaitu untuk mengenal pasti tahap program keusahawanan dan kejayaan perniagaan PKS Malaysia. Bab 5 menyimpulkan penemuan kajian ini dan mendedahkan kedudukan PKS di Perak dalam hal kolaborasi rantaian bekalan. Ia juga menyatakan cadangan penyelidikan masa depan berdasarkan program pembangunan PKS dan





kejayaan perniagaan usahawan tersebut disokong lagi oleh pembolehubah mediator iaitu orientasi keusahawanan.

### 1.14 Rumusan

Secara keseluruhan kajian ini telah memberi gambaran yang jelas mengenai isu orientasi keusahawanan yang berlaku di negara ini dengan memberi bukti yang kukuh iaitu dengan analisis secara statistic dan berdasarkan kepada kajian lepas seperti yang diterangkan di dalam literatur kajian. Ini adalah dengan usaha untuk memberi gambaran yang jelas kepada para pembaca dalam mengenal keadaaan dan situasi PKS di Perak dari konteks orientasi keusahawanan di peringkat global. Berdasarkan kenyataan ini kita boleh beranggapan bahawa kita tidak mengambil langkah drastik dan Malaysia mungkin menemui perkara yang sangat serius pada masa hadapan. Oleh yang demikian kajian ini akan menjadi salah satu sumbangan kepada negeri dalam mengetahui tahap orientasi keusahawanan dalam kalangan PKS di Perak yang akan memberi inspirasi dan idea kepada orang lain dalam mengambil kira kepentingan isu kejayaan perniagaan PKS di Perak.

